

15/03/2001

Fadzil tetap mahu bincang perpaduan Melayu

KUALA LUMPUR, Rabu - Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, yang baru kembali daripada menunaikan fardu haji, melahirkan harapan supaya pertemuan perpaduan Melayu di antara partinya dan Umno menjadi kenyataan.

"Kita (masih) terbuka kepada cadangan mengadakan perjumpaan itu," katanya tetapi enggan mengulas lanjut penjelasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perbincangan membabitkan empat agenda kepentingan Melayu.

Khamis lalu, Perdana Menteri menyatakan pertemuan Umno-Pas bertujuan membincangkan perkara yang membabitkan kepentingan Melayu seperti hak dan keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam, bahasa kebangsaan dan status Raja-Raja Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Fadzil yang dihubungi hari ini berkata, pihaknya sudah menyerahkan kepada jawatankuasa teknikal yang diketuai Setiausaha Agungnya, Nasharuddin Md Isa untuk membuat keputusan.

Ini adalah kenyataan pertama Ahli Parlimen Pendang itu mengenai isu itu tetapi menyatakan beliau belum mendapat maklumat penuh mengenai perkara berkaitan kerana tidak berada dalam negara sejak awal bulan ini.

Beliau berkata, Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Md Isa, ada memberi taklimat sepintas lalu mengenai kenyataan Dr Mahathir itu kepadanya sebaik kembali ke tanah air semalam.

"Biarlah jawatankuasa teknikal itu nanti membuat keputusan," katanya. Jawatankuasa teknikal Umno yang diketuai Setiausaha Agungnya, Tan Sri Khalil Yaakob dan Pas belum menetapkan tarikh pertemuan ketiga mereka bagi membincang agenda pertemuan pemimpin kedua-dua parti itu.

Fadzil berkata, pihaknya merasakan bahawa pertemuan pemimpin Umno-Pas itu masih perlu diadakan, tetapi mahu Umno memenuhi terlebih dahulu tiga syarat yang dikemukakan, hasil keputusan jawatankuasa Pas sebelum ini.

"Kita terbuka untuk berjumpa tetapi perkara ini (tiga syarat) perlu dipenuhi terlebih dahulu. Bukan susah sangat nak penuhinya," katanya.

Pertemuan perpaduan Melayu di antara pemimpin Umno dan Pas sepatutnya diadakan 19 Februari lalu tetapi ditangguhkan dengan Pas mengemukakan tiga syarat, iaitu pemberian balik royalti minyak kepada kerajaan Pas Terengganu, membenarkan penerbitan Harakah dua kali seminggu dan mahu kerajaan menolak cadangan Umno melarang penggunaan perkataan Islam pada parti politik.

Fadzil berkata, pihaknya tidak menerima alasan syarat itu tidak boleh dipenuhi kerana berada di luar bidang kuasa Umno.

"Kerajaan yang ada adalah diketuai oleh Umno. Mengapa pula susah sangat nak penuhinya," katanya sambil menyifatkan alasan pucuk pimpinan Umno mengenai perkara itu lebih berbentuk kenyataan politik semata-mata.

Katanya, Pas tetap dengan keputusan lalu mengenai tiga syarat terbabit dan tidak mungkin menarik balik meskipun Perdana Menteri membuat penjelasan mengenai agenda sebenar perbincangan itu.

(END)